

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HIS 202 - Islam: Hubungan Manusia dengan Manusia dan Alam

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab DUA(2) soalan.

1. Firman Allah dalam surah az Zariyat/56 yang bermaksud: "Tidak Ku (Allah) jadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat".
 - (a) Berdasarkan maksud ayat di atas huraikan maksud ibadat dari sudut faedah dan manfaatnya dalam hubungan sesama manusia dan hubungan mereka dengan makhluk-makhluk Allah yang lain.
 - (b) Bagaimana pendekatan Ibnu Taimiyah tentang menjadikan ibadat di dalam Islam sebagai cara yang berkesan untuk kebaikan umat.
 - (c) Sebutkan kesan-kesan ibadat terhadap kebaikan individu dan masyarakat.
 - (d) Cukupkah bagi seseorang individu dalam menghayati kehidupannya dengan mengerjakan segala kebaikan menurut kiraan dan pentafsirannya sahaja, tanpa berlandaskan aqidah ketauhidan kepada Allah dan prinsip-prinsip syari'at? Beri ulasan dan pandangan untuk menguatkan apa yang anda katakan.
2. (a) Beri definisi al Iktisad al Islami (ekonomi Islam). Kalimah iktisad adalah didasarkan kepada tiga(3) kata dasar seperti berikut: Qasada (قصد), Aqsada (آقصاد) dan Iqtasada (اقتضاد). Dalam jawapan anda sertakan contoh-contoh untuk menguatkan maksud dan pandangan anda tentang al Iktisad al Islami.
(b) Allah berfirman (an Nisa/56) yang bermaksud: "Tunaikanlah zakat" dan ayat 195 dalam surah al Baqarah, maksudnya: "Berbelanjalah ke jalan Allah". Kedua-dua ayat di atas menunjukkan bahawa Islam menggalakkan individu berusaha meninggi dan meningkatkan pendapatan secara halal atau memampukan diri dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang berfaedah untuk diri, agama, masyarakat dan negara.

.../2

- i. Berdasarkan maksud nas-nas di atas, nyatakan prinsip-prinsip pemilikan harta perseorangan (الملكية الفردية) di dalam Islam.
 - ii. Beri asas-asas penyuburan modal menurut pandangan Islam.
 - iii. Sebutkan sifat-sifat dan keistimewaan-keistimewaan al Iktisad al Islami sepertimana yang anda pelajari.
3. Riba di dalam Islam hukumnya haram. Berdasar kepada firman Allah (al Baqarah: 275) yang bermaksud: "Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".
- (a) Terangkan maksud riba yang didefinisikan oleh:
- i. Ibnu Taimiyah
 - ii. Imam Baidhawi
 - iii. Ulama-ulama Fiqah
- (b) Beri maksud Sijil Pelaburan (Syahadah al Istithmar) menurut Islam dan nyatakan pendapat ulama tentang:
- i. Sijil saham pelaburan
 - ii. Al Mudharabah
 - iii. Muamalat Bank
4. Surah an Nisa/59, Allah berfirman yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman taa'tlah kepada Allah dan taa't kepada Rasulallah s.a.w. dan pemerintah dikalangan kamu". Dalam konteks ketaa'tan kepada pemerintah, Imam al Qurtubi membentang beberapa pandangan ulama mengenainya, antara lain:
- (A) Sahlu bin Abdullah at Tustariyu: Wajib mentaa'ti pemerintah pada tujuh(7) perkara berikut: nilai mata wang, sukanan dan timbangan, peraturan dan undang-undang demi menjaga kemasalahatan awam, hal-hwal yang berkaitan dengan penunaian haji, hal-hwal yang berkaitan dengan fardhu juma'at, soal penentuan dua hari raya Puasa dan Haji dan jihad untuk mempertahankan agama dan negara. Sahlu menyambung pendapatnya: Demi menjaga masalah awam dan keselamatan sejagat, sekiranya seseorang sultan melarang ulama dari mengeluarkan fatwa tentang sesuatu, maka ia tidak boleh berfatwa sekalipun arahan itu lahir dari amir yang zalim (fajir).

.../3

- (B) Imam Ali bin Abi Talib r.a.: "Kewajipan ke atas imam (pemerintah) menjalani keadilan dan amanah. Jika kedua-dua perkara ini ada di dalam kepimpinan maka wajib ke atas muslimin menta'atinya; berdasar kepada maksud firman Allah (an Nisa/58, 59).

Manakala Imam Hafiz Ibnu Kathir pula - dalam hal ini - mengemukakan pandangan-pandangan yang didasar kepada beberapa hadith, antara lain:

- (A) Imam Bukhari meriwayat hadith Anas, maksud sabda Rasulullah s.a.w.: Dengar dan ta'atlah walaupun pemerintah itu dari bangsa Habsyi (yakni: bangsa yang berkulit hitam yang terdiri dari kaum muslimin).
- (B) Iman Ibnu Jarir mengemukakan hadith Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud: "Akan datang selepas saya pemerintah yang berbagai ragam; ada yang gemar kebaikan dan ada yang gemar kemaksiatan. Dengar dan ta'atlah pada segala perkara yang bukan maksiat dan bersembahyanglah dibelakang mereka; sekiranya mereka itu bersikap benar maka pahalanya kepada kamu dan kepada mereka tetapi sekiranya mereka tidak benar, ganjaran Allah kepada kamu dan mereka dengan dosa-dosa mereka".
- (C) Imam Bukhari dan Imam Muslim meriwayatkan hadith yang disampaikan oleh Ibnu 'Abbas, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang melihat sesuatu yang membencikannya - dilakukan oleh pemerintahnya, maka hendaklah ia bersabar, sesungguhnya tidak boleh seorangpun membangkitkan isu yang boleh memecah-belahkan perpaduan".

Berdasarkan maksud nas-nas di atas beri pandangan dan komen anda berhubung dengan perkara-perkara di bawah dan nyatakan dalil atau nas dari al Quran atau al Hadith sekiranya pandangan dan pendapat anda didapati bercanggah dengan apa yang dibentang oleh Imam al Qurtubi dan Imam Ibnu Kathir seperti di atas.

- (a) Bersembahyang di belakang Imam yang pernah melakukan naksiat.
- (b) Bermua'malat dengan sistem kewangan yang ada di dalam sesebuah negara.
- (c) Merayakan hari raya bagi umat-umat Islam terdahulu atau terkemudian dari pengumuman oleh pihak yang berkuasa bagi sesebuah negara.
- (d) Ali tidak mahu bersembahyang Juma'at di masjid yang disediakan oleh pihak pemerintah di negaranya.